

12 OCT 2000

KEPUTUSAN HARAMKAN VIDEO PERMAINAN KEKAL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata keputusan mengharamkan video permainan di seluruh negara dibuat setelah segala aspek mengenainya dibincangkan oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata walaupun beliau tidak berada dalam negara ketika mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membuat keputusan itu, ianya akan tetap dipegang.

"Kita buat keputusan bukan cara main-main dan keputusan yang dibuat tentulah mengikut perbahasan oleh pihak kerajaan," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah selepas melakukan lawatan 10 hari ke Britain dan kunjungan singkat ke Bosnia-Herzegovina.

Perdana Menteri ditanya sama ada kerajaan akan menimbang semula keputusan itu berikutan rayuan pihak yang berkenaan.

Kabinet semalam mengekalkan keputusannya minggu lepas untuk menarik balik semua lesen video permainan di seluruh negara tanpa sebarang pengecualian dalam tempoh dua bulan mulai 4 Okt.

Abdullah berkata pendirian itu dibuat selepas jemaah menteri meneliti laporan mengenai maklumat balas dan rayuan pelbagai pihak berhubung keputusan pengharaman itu.

Tindakan itu bertujuan membendung gejala sosial yang timbul daripada kewujudan arked video permainan.

-- BERNAMA

MAM AFY AHH MAI